

[Home](#) / [2026](#) / [May](#) / PTAR UiTM Melaka Teraju Inisiatif Literasi Maklumat Buat Komuniti Pelajar di Songkhla

SINERGI

22/05/2026 / HAZLIN IBRAHIM KHAN



SONGKHLA, THAILAND, 13 MEI 2026 – Dalam usaha memacu agenda pengantarabangsaan dan kelestarian ilmu, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bersama Akademi Pengajian Bahasa (APB) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka telah berjaya melaksanakan Program Lawatan Kerjasama Antarabangsa: Perkongsian Intelektual dan Khidmat Komuniti bertempat di Songkhla, Thailand, baru-baru ini.

Program dua hari yang berlangsung pada 7 hingga 8 Mei itu menyaksikan pelaksanaan dua pengisian utama iaitu pembangunan sudut bacaan (*Reading Corner*) komuniti di Sekolah Sangkhom Islami Wittaya, serta lawatan jalinan akademik di Fakulti Seni Liberal, Prince of Songkla University (PSU).

Melalui inisiatif khidmat komuniti di Sekolah Sangkhom Islami Wittaya, delegasi PTAR UiTM Cawangan Melaka yang diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Cik Hazlin Ibrahim Khan bersama Pembantu Perpustakaan Tertinggi, Puan Sariah Che' Man, telah menyerahkan sumbangan bahan bacaan pelbagai bidang kepada pihak sekolah. Usaha ini bertujuan untuk memperluas akses bahan ilmu berkualiti serta memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat.





Pelaksanaan misi murni ini merupakan hasil kolaborasi strategik rentas bahagian melibatkan PTAR UiTM Cawangan Melaka, APB UiTM Cawangan Melaka, serta persatuan pelajar *Youth Empowerment Society Club* (YES).

Sementara itu, delegasi akademik UiTM Cawangan Melaka yang diketuai oleh Pensyarah Kanan APB, Puan Zainab Hj Mohd Zain, telah mengadakan perbincangan meja bulat bersama Dekan Fakulti Seni Liberal PSU, Dr. Panida Sukseemuang. Turut hadir ialah Timbalan Dekan Hubungan Antarabangsa, Komunikasi dan Perkhidmatan Akademik PSU, Mrs. Chutima Swangvaree, serta barisan pengurusan kanan fakulti.

Sesi tersebut menjadi medan pertukaran ilmu dan perkongsian amalan terbaik khususnya dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Inggeris. Kedua-dua institusi turut menerokai potensi kerjasama akademik, mobiliti pelajar, dan penyelidikan bersama pada masa hadapan. Delegasi UiTM juga berpeluang meninjau fasiliti *Self-Access Learning Centre* di PSU bagi meneliti pendekatan ruang pembelajaran sendiri yang kondusif.

Komitmen utuh yang ditunjukkan oleh PTAR dan APB UiTM Cawangan Melaka ini mencerminkan peranan aktif universiti dalam membina ekosistem global yang berpengetahuan, selain memenuhi indikator prestasi utama (KPI) universiti untuk terus relevan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.



Tags: [Akademi Pengajian Bahasa \(APB\)](#), [Perpustakaan Tun Abdul Razak \(PTAR\)](#),
[Sekolah Sangkhom Islami Wittaya](#), [UiTM Cawangan Melaka](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ Misi SDG di Banda Aceh: UiTM Pulau
Pinang Teraju Projek Nutrisi
Tanaman Berasaskan Sisa Ikan

UiTM Terengganu dan Yayasan MR.
D.I.Y., Semarakkan Literasi STEM ☐
Komuniti di Bukit Besi

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

